

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 2 / 12 / 2007

# 'Jangan cabar kepimpinan PM'

UM - 2 / 12 / 2007

Oleh S. ANAND KUMAR

**KUALA LUMPUR** 1 Dis. - Rakyat Malaysia diminta tidak mencabar kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebaliknya bersama-sama membantu beliau membangunkan negara ini.

Beberapa pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) berkata, Perdana Menteri tidak pernah meminggirkan mana-mana kaum di negara ini dan sentiasa berusaha untuk membantu rakyat.

Menurut mereka, orang ramai perlu yakin dengan Abdullah kerana Perdana Menteri sentiasa merancang dan memberi tumpuan kepada pelbagai isu seperti pendidikan, ekonomi dan sosial.

Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, Perdana Menteri sentiasa berlaku adil dan peka terhadap masalah rakyat.

"Apa yang beliau lakukan adalah untuk kepentingan rakyat. Kita di Malaysia amat beruntung berbanding negara-negara lain.

**▲ Apa yang PM lakukan adalah untuk kepentingan rakyat. Kita di Malaysia amat beruntung berbanding negara-negara lain**  
- Muhyiddin Yassin

"Perdana Menteri jujur dalam melaksanakan tanggungjawabnya. Kita memang tidak boleh memuaskan hati semua pihak tetapi jika dilihat kepada rancangan beliau (Abdullah) semua pihak mendapat manfaat," katanya kepada *Mingguan Malaysia* di sini, hari ini.

Perdana Menteri semalam berkata, beliau akan bersungguh-sungguh menyelesaikan rungutan serta kegelisahan rakyat termasuk isu-isu ekonomi kerana beliau sememangnya mendengar semua masalah yang dibangkitkan.

Abdullah memberitahu, kerajaan bukan berdiam diri kerana menyedari sekiranya semua masalah, rungutan serta kegelisahan itu tidak ditangani, negara dan rakyat akan ber-

hadapan dengan kesengsaraan.

Muhyiddin berkata, kenyataan Perdana Menteri itu amat jelas bahawa beliau bukannya berdiam diri sebaliknya sentiasa bekerja untuk rakyatnya.

Sementara itu, Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu pula berkata, kerajaan tidak pernah meminggirkan masyarakat India di negara ini dan sentiasa berusaha untuk membantu masyarakat tersebut.

Kata beliau, Perdana Menteri sentiasa mempunyai rancangan untuk membantu semua kaum dan sebagai rakyat Malaysia, orang ramai perlu terus bekerjasama dengan Abdullah.

"Kerajaan memperkenalkan banyak pembaharuan sosial dan program bagi masyarakat India."